

DBKL, SP Setia bangun pangsapuri di Bangsar

KUALA LUMPUR 26 Mac - SP Setia Bhd. (SP Setia) akan bekerjasama dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk membangunkan kawasan seluas lapan hektar di Jalan Bangsar, di sini untuk membangunkan projek hartanah bercampur.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Tan Sri Liew Kee Sin berkata, projek yang berdekatan dengan kompleks membeli belah Mid Valley itu dijangka dimulakan kerja pembinaannya pada tahun hadapan.

Bagaimanapun, beliau optimis untuk memuktamadkan peringgan projek jasama itu dalam tempoh enam bulan akan datang.

Kami telah menandatangani memorandum jasama bersama dengan DBKL sejak enam tahun lalu dan kini kami berharap dapat menandatangani perjanjian penjawatan, tetapi buat masa sekarang, tanah ini bukan milik kami lagi," kata dia pada sidang akhir bar pada Imlek di Malaysia 2008, di sini hari ini.

Katanya, projek yang pernah menjadi penempatan setinggan di kawasan tersebut akhirnya memiliki lot komersial, apartmen dan bangunan pejabat.

Bagaimanapun, beliau akan membangunkan kemudahan infrastruktur di kawasan berkenaan terlebih dahulu kerana ia penting untuk menjadikannya sebagai projek bernilai tinggi.

Selain itu, Kee Sin berkata, SP Setia kini berada dalam kedudukan yang kukuh untuk mencapai unjuran jualannya sebanyak RM1.8 bilion menjelang tahun kewangan berakhir 31 Oktober 2008.

Pada tempoh empat bulan pertama tahun kewangan semasa syarikat telah mencatat jualan sebanyak RM646 juta berbanding RM290 juta dalam tempoh yang sama tahun sebelumnya.



LIEW KEE SIN